

Bab Tujuh

Pertandingan Kuasa Dalam Bayangan Anwar: Pilihan Raya 1999 dan Pemilihan UMNO 2000

Pertelingkahan di antara Mahathir dan Anwar di dalam parti akhirnya menjadi isu di antara kerajaan BN dan parti pembangkang. Sekali lagi, perpecahan dalam UMNO membawa kerjasama di antara parti pembangkang di Semenanjung Malaysia. Kali ini, dua parti yang lama bermusuhan di kalangan parti pembangkang, iaitu DAP dan PAS yang mempunyai ideologi bertentangan telah bekerjasama dalam satu pakatan yang dinamakan oleh penyokong Anwar sebagai Barisan Alternatif (BA) dan menghadapi pilihan raya umum pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, mereka masih gagal menewaskan Mahathir. Sekali lagi, usaha puak yang menentang Mahathir di luar UMNO gagal.

7.1 Gerakan Reformasi Menjadi Parti Politik

Pada 14 April 1999, Anwar Ibrahim dihukum penjara 6 tahun bagi setiap tuduhan dengan hukuman yang berjalan secara serentak mulai hari tersebut.⁶⁹⁶ Beberapa pemimpin luar negeri menyuarakan kekesalan mereka di atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu. Di antaranya, kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore sekali lagi menerima kecaman daripada pemimpin BN. Al Gore menyelar hukuman penjara terhadap Anwar boleh melumpuhkan kemajuan ekonomi dan politik Malaysia.

Selepas hukuman Mahkamah dibuat, Wan Azizah melawat Filipina atas jemputan bekas Presiden Filipina, Corazon Aquino. Beliau meminta sokongan politik daripada negara itu untuk membawa reformasi di Malaysia.⁶⁹⁷ Lawatan beliau amat memarahkan pemimpin BN.⁶⁹⁸ Menteri Luar, Syed Hamid malah memanggil Duta Filipina di Malaysia untuk meluahkan bantahan kerajaan terhadap lawatan Wan Azizah tersebut.⁶⁹⁹

Penubuhan ADIL dan KeADILan

Pada 10 Disember 1998, Pertubuhan Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL) ditubuhkan oleh penyokong Anwar untuk menjalankan aktiviti Gerakan Reformasi. Wan Azizah menjadi penajanya manakala Exco jawatankuasa itu terdiri daripada beberapa tokoh pertubuhan bukan kerajaan pelbagai kaum.⁷⁰⁰ ADIL mendapat sambutan yang hangat daripada orang ramai yang bersimpati kepada Anwar.

Selepas itu, tiga permohonan penubuhan parti politik telah dikemukakan kepada Pendaftar pertubuhan, iaitu Angkatan Reformasi Malaysia (ARM), Himpunan Angkatan Keadilan (HAK) dan Parti Malaysia Baru. Pada masa yang sama, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan PAS masing-masing mempelawa Anwar dan penyokongnya untuk menyertai parti mereka, tetapi tawaran mereka ditolak oleh Anwar dan penyokongnya atas sebab-sebab yang berlainan.

⁶⁹⁶ *Utusan Malaysia*, 15 April 1999, m/s 1-2.

⁶⁹⁷ *The STAR*, 30 April 1999, m/s 2.

⁶⁹⁸ *The STAR*, 1 Mei 1999, m/s 2.

⁶⁹⁹ *Utusan Malaysia*, 29 April 1999, m/s 8-9; *Utusan Malaysia*, 30 April 1999, m/s 1-2.

⁷⁰⁰ *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1998, m/s 1. Permohonan pendaftaran ADIL sebagai pertubuhan bukan kerajaan kemudian dibuat pada 19 Disember 1998. Dr. Chandra Muzaffar menjadi timbalannya. Anggota jawatankuasanya terdiri daripada wakil pertubuhan bukan kerajaan yang berbagai kaum,

Akhirnya, pada 8 Mac 1999, Pendaftar Pertubuhan meluluskan permohonan pindaan nama dan perlembagaan Parti Ikatan Masyarakat Islam Malaysia (Ikatan) kepada Parti Keadilan Nasional (keADILan). Ia dilancarkan pada 4 April 1999. Sama seperti ADIL, barisan kepemimpinan KeADILan terdiri daripada bekas tokoh UMNO dan pertubuhan bukan kerajaan. Wan Azizah menjadi Presiden parti manakala Timbalan Presiden dijawat oleh Presiden Just World Trust (Just), Chandra Muzaffar.⁷⁰¹ Lepas itu, pemimpin utama daripada tiga parti pembangkang yang lain, iaitu PAS, DAP dan PRM menandatangani perjanjian Prinsip Kerjasama yang melambangkan kerjasama di antara empat parti tersebut untuk menghadapi Pilihan raya umum yang akan datang.⁷⁰² Pakatan ini digelar sebagai Barisan Alternatif (BA), yang membawa makna alternatif atau pilihan kepada Barisan Nasional.

Selepas parti itu ditubuhkan, UMNO memecat 24 ahli UMNO termasuk mereka yang telah menyertai keADILan seperti Wan Azizah, Mohd. Ezam Mohd. Noor, Shaari Bari, Khalil Shah, Hamdan Taha dan Mohd Anuar Mohd. Tahir dan sebagainya.⁷⁰³

termasuk Irene Fernandez daripada Tenaganita; Goh Keat Peng, bekas Setiausaha Eksekutif Christian Federation Malaysia; Yusri Mohamad daripada ABIM dan lain-lain.

⁷⁰¹ 3 Naib Presiden iaitu bekas Mufti Pulau Pinang, Datuk Sheikh Azmi Ahmad, bekas Naib Presiden Parti Melayu Semangat 46, Marina Yusoff dan Pengerusi Gagasan Demokrasi Rakyat (Gagasan), Chua Tian Chang (Tian Chua). Setiausaha Agung dijawat oleh Ketua Eksekutif Yayasan Salam, Mohd. Anuar Tahir dan Ketua Penerangan disandang oleh Ruslan Kasim. Bekas Setiausaha Politik Anwar, Mohamad Ezam M. Nor dan Nell Onn (adik perempuan Allayarham Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia) masing-masing memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda dan Ketua Wanita. Keadilan turut diberi oleh 19 ahli Majlis Pimpinan Tinggi (MPT), yang antaranya ialah peguam Anwar, Zainur Zakaria, Pengerusi Tenaganita, Irene Fernandez, bekas setiausaha politik Anwar Ibrahim, Dr. Mansor Othman, bekas Setiausaha Eksekutif Christian Federation Malaysia, Goh Keat Peng dan bekas Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO, Saifuddin Nasution Ismail yang masih bersembunyi di luar negara. Anggota MPT yang lain termasuk Dr. Mohd. Nor Nawawi, Dr. Halili Rahmat, Ng Lum Yong, Sahri Bahari, Dr. Ismail Hamid, Johari Abdul, Khalil Shah, Dr. Ghazali Basri, Mohamad Rafiae Ab. Malek, Omar Jaafar, Kahar Ahmad, Dr. Abdul Wahid Ahmad Suhaime, Nik Aziz Nik Hassan dan Yusuf Abdul Rahman. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 5 April 1999, m/s 4.

⁷⁰² *Utusan Malaysia*, 29 April 1999, m/s 1-2.

⁷⁰³ *Utusan Malaysia*, 7 April 1999, m/s 2.

Perhimpunan Agung UMNO 1999

Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada 18-20 Jun 1999, Anwar yang tidak lagi hadir dalam perhimpunan tahunan ini menjadi subjek atau fokus. Dalam ucapan pembukaan Mahathir. Beliau membuat ucapan yang panjang lebar untuk mencaci imej Anwar. Beliau menafikan terdapatnya konspirasi untuk menentang Anwar. Selain itu, Mahathir juga mendakwa Anwar telah bertindak sebagai ‘agen negara asing’ di samping melakukan nepotisme, kronisme dan korupsi semasa memegang jawatannya. Selain itu, Mahathir juga mengkritik Kongres Amerika Syarikat yang mengkritik sistem kehakiman Malaysia.⁷⁰⁴ Untuk membuktikan dakwaan beliau, Mahathir mengulangi taktik yang digunakan dalam tahun lepas dengan mempamerkan senarai penerima projek dan saham kerajaan yang mengandungi nama puak Anwar.

Pada hari akhir Perhimpunan Agung, Daim mengambil kesempatan untuk menafikan dakwaan yang dilempar oleh Anwar terhadap beliau dan Mahathir. Daim menafikan dakwaan Anwar bahawa beliau pernah menyalahgunakan wang UMNO sebanyak RM600 juta dan membawa lari RM1 bilion wang tunai ke Zurich, Switzerland.⁷⁰⁵ Selain itu, di luar jangkaan semua pihak, Zahid Hamidi membuat pengakuan kepada media bahawa beliau sebenarnya telah diarah oleh Anwar untuk membangkitkan isu nepotisme dan kronisme dan tiada ketelusan dari segi pengagihan saham dan kontrak kerajaan pada tahun 1998. Zahid juga berkata bahawa Anwar pernah memberinya

⁷⁰⁴ *New Straits Times*, 19 Jun 1999, m/s 1-2.

⁷⁰⁵ *New Straits Times*, 21 Jun 1999, m/s 1, 3.

peruntukan saham syarikat yang disenaraikan di BSKL.⁷⁰⁶ Pengakuan Zahid kelihatan dilakukan secara paksaan dan ia tidak mendatangkan apa-apa kebaikan untuk beliau, jawatan Pengerusi Bank Simpanan Nasional yang dipegang olehnya sejak tahun 1994 telahpun digantikan oleh Azim Mohd. Zabidi, Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan merangkap Exco Pemuda UMNO beberapa hari selepas pengakuananya.⁷⁰⁷

Selepas tamatnya Persidangan UMNO, Razaleigh dilantik oleh Mahathir sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO di Negeri Kelantan dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan UMNO Kelantan yang diadakan di rumah Mustapa Mohamed.⁷⁰⁸ Perlantikan ini merupakan ujian terhadap keupayaan Razaleigh dan juga strategi UMNO untuk merampaskan semula kepemimpinan negeri itu daripada PAS.

Tindakan Terhadap Pembangkang & Penyokong Anwar

Sebelum pilihan raya umum diadakan, kritikan daripada pihak pembangkang menyebabkan UMNO menubuhkan Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah UMNO yang diketuai oleh Ibrahim Ali untuk mengambil tindakan terhadap mereka. Beliau mengumumkan bahawa UMNO telah melantik 20 peguam untuk menangani kes-kes tersebut.⁷⁰⁹ Selain itu, kerajaan BN juga melancarkan siri tindakan undang-undang

⁷⁰⁶ *New Straits Times*, 21 Jun 1999, m/s 1. Beberapa hari selepas pengakuan Zahid, bekas pegawai akhbar yang merupakan pemimpin Pemuda keADILan di Perak, Hanafiah Man, menyatakan rakyat Malaysia ‘mengampun’ perbuatan Zahid. Hanafiah berkata ucapan Zahid ditulis oleh beliau dan ucapannya bukannya diarah oleh Anwar Ibrahim. Hanafiah juga menyifat Zahid sebagai seorang yang lemah. Rujuk: *New Straits Times*, 23 Jun 1999, m/s 4.

⁷⁰⁷ *New Straits Times*, 29 Jun 1999, m/s 1.

⁷⁰⁸ *New Straits Times*, 21 Jun 1999, m/s 1.

⁷⁰⁹ *Utusan Malaysia*, 1 April 1999, m/s 2.

dan pemusnahan peribadi terhadap pengkritik UMNO, termasuk ‘fitnah’ mereka dalam tulisan di *Harakah*⁷¹⁰ dan ceramah.

Pada 5 Julai 1999, penyokong kuat Anwar merangkap Ketua Bahagian UMNO Tumpat, Kamaruddin Jaafar dipecat oleh Majlis Tertinggi bersama dengan sembilan ahli yang lain kerana terbabit membantu dan menyertai parti pembangkang. Kamaruddin telah meminta supaya bercuti dari politik sejak 1 Mei lalu setelah diletakkan di bawah perhatian Majlis Tertinggi sebaik sahaja dibebaskan dari tahanan ISA.⁷¹¹ Beliau kemudian menyertai PAS sebelum pilihan raya umum 1999 dan bertanding di kawasan Tumpat.

7.2 Saling Pertuduhan Rasuah Di Antara Anwar Dan Mahathir

Laporan Polis Anwar Terhadap Rasuah Pemimpin UMNO

Selepas Anwar dipenjarakan, beliau membuat empat laporan polis mengenai rasuah yang dilakukan oleh pemimpin BN sebagai usaha untuk membantu BA untuk

⁷¹⁰ Pada 27 Mac 1999, 2 Ketua Pergerakan Pemuda UMNO di Wilayah Persekutuan dan Selangor membuat laporan polis terhadap beliau atas kata-kata fitnah beliau terhadap Dr. Mahathir yang disiarkan di *Harakah* pada pada 5 Februari 1999. Laporan polis dibuat berdasarkan petikan ucapan bekas ahli UMNO, Dr. Hassan Ali di Alor Setar yang berkata bahawa Dr. Mahathir mempunyai kemahanan besar seperti membina “mahligai”nya RM200 juta dan jet RM200 juta. Sementara itu, Ezam pula didakwa menghina Mahkamah dalam wawancara beliau yang disiarkan dalam *Harakah* pada 22 Mac 1999, yang seolah-olah berkata keputusan Mahkamah telah ditentukan semasa perbicaraan Anwar berjalan pada masa itu. Rujuk: *Mingguan Malaysia*, 28 Mac 1999, m/s 1-2; Dua hari selepas itu, saksi pendakwara dalam perbicaraan Anwar, Ummi Hafilda Ali mengemukakan saman RM60 juta terhadap *Harakah* kerana menyiaran rencana yang mencemarkan namanya, rujuk: *Utusan Malaysia*, 30 April 1999, m/s 1.

⁷¹¹ Lapan lagi dipecat oleh UMNO ialah empat dari Bahagian Bukit Gantang, Perak, iaitu Ismail Yusof, Said Othman, Tarmazi Ismail dan Jumri Sabran. Selain itu, turut dipecat ialah Senator Hamzah Mohd. Zain dari Bahagian Chenderoh, Perak; Abdul Wahab Abdullah dari Bahagian Johor Bahru dan dua anggota dari Bahagian Tumpat, iaitu setiausaha Bahagian Saufi Daud dan Mohamad Noor. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 6 Julai 1999, m/s 1-2.

menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.⁷¹² Dalam laporan polis pertama yang dibuat pada 9 Julai 1999, beliau melampirkan dokumen daripada Bahagian Pendakwaan di Pejabat Peguam Negara pada 14 Mac 1995 yang ditandatangani oleh Penolong Pendakwaraya, Abdul Gani Patail. Dokumen ini menunjukkan terdapatnya bukti *prima facie* untuk mendakwa Rafidah Aziz atas lima dakwaan rasuah di bawah Seksyen 2(2), Ordinance 22, 1970. Anwar berkata bahawa Peguam Negara tidak meneruskan dakwaan terhadap Rafidah kerana campur tangan Perdana Menteri.⁷¹³

Dalam laporan polis kedua pada 21 Julai 1999, Anwar mendakwa Mahathir terlibat dalam skandal Perwaja yang mengalami kerugian tertunggak sebanyak RM2,985 juta dan liabiliti sebanyak RM6,939 juta. Anwar berkata bahawa Kementerian Kewangan terpaksa melantik Price Waterhouse sebagai juru audit bebas untuk menyiasat skandal Perwaja pada awal 1996 selepas mendapati Perwaja hampir muflis dan memerlukan suntikan dana yang banyak daripada kerajaan. Anwar berkata perlantikan tersebut dijalankan selepas gagal mendapat maklumat yang terperinci daripada pengurusan syarikat itu, khususnya Pengarah Pengurusannya, Eric Chia. Eric Chia mendakwa tindakannya dijalankan di bawah arahan Perdana Menteri dan beliau menunjukkan surat sokongan yang ditulis oleh Mahathir sendiri.

Dalam laporan polis Anwar ketiga yang dibuat pada 30 Julai 1999, Anwar mendakwa Daim Zainuddin melakukan rasuah. Daim dikatakan menerima wang dan saham

⁷¹² Rujuk ucapan Belanjawan 2000 Lim Kit Siang di Parlimen pada 1 November 1999.

⁷¹³ Kesalahuan Rafidah adalah:

*Meluluskan 1.5 milion saham Leader Universal Holdings Berhad kepada anak menantunya, Fazrin Anwar semasa beliau mempengurusan Jawatankuasa Pembahagian SahamBumiputera Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;

*Meluluskan permohonan Fazrin Anwar untuk menjual 450,000 unit saham tersebut;

*Meluluskan permohonan Fazrin Anwar untuk menjual 315,000 unit saham tersebut yang lain;

*Meluluskan permohonan Fazrin Anwar untuk menjual 335,000 unit saham tersebut;

*Meluluskan peruntukan 4,173,190 unit saham FACB kepada Fazrin Anwar.

daripada tiga tokoh korporat yang terkenal semasa beliau memegang jawatan Menteri Kewangan dari 1984 sehingga 1991. Dalam laporan polis ini, Anwar menyertai surat yang ditulis oleh Pengerusi Renong Berhad, Halim Saad, Pengerusi MAS, Tajuddin Ramli dan Pengerusi Land and General Berhad, Wan Azmi Wan Hamzah kepada Daim pada 1990, yang jelas menunjukkan bahawa Daim menerima wang dan saham korporat yang bernilai sebanyak RM600 juta yang tidak dikreditkan ke dalam akaun rasmi UMNO.

Menurut dokumen yang dilampirkan oleh Anwar dalam laporan polis ketiganya, iaitu surat Halim Saad yang bertarikh April 1999 menyatakan bahawa Halim merupakan pemegang amanah kepada lebih kurang 52 juta saham Faber Merlin Berhad dan 130 juta saham Renong bagi pihak Daim. Wan Hamzah dan Tajuddin juga mengesahkan dalam surat yang lain pada masa itu bahawa mereka memegang RM150 juta dan RM70 juta wang tunai bagi pihak Daim. Anwar berkata bahawa beliau pasti jumlah ini hanya merupakan amaun kecil yang diraih oleh Daim apabila menjalankan tugas bagi pihak Mahathir dalam kes tertentu.

Dalam laporan polis keempat yang dibuat pada 20 Ogos 1999, Anwar berkata bahawa Jabatan Peguam Negara dan BPR telah menyimpulkan sekitar bulan Jun 1994 bahawa terdapat *prima facie* untuk mendakwa Rahim Tamby Cik atas empat dakwaan rasuah, berdasarkan maklumat yang diberi oleh Lim Guan Eng kepada mereka. Anwar berkata bahawa BPR mendapati Rahim mempunyai berpuluh-puluhan akaun, kepentingan perniagaan dan harta yang terlampau banyak. Aset yang dipunya oleh Rahim berjumlah RM39.9 juta sehingga tarikh 31 Mei 1999.

Kenyataan Abdul Murad dan Norhayati

Demi membala dakwaan yang dilemparkan oleh Anwar, BN menggunakan bekas penolong gobenor Bank Negara, Abdul Murad Khalid untuk mendedahkan bahawa Anwar telah mengaut sebanyak RM3 bilion menerusi 20 ‘Master Accounts’ semasa beliau masih berada dalam kerajaan. Murad dalam kenyataannya pada 26 Oktober 1999 berkata beliau pernah terlibat dalam pembayaran lebih daripada RM120 juta kepada Anwar Ibrahim, individu-individu dan organisasi di antara tahun 1992 dan 1997. Pemecahan pembayaran yang didakwanya adalah seperti berikut:

1. Anwar Ibrahim – RM 50 juta
 2. Dato Abdullah Ahmad (wakil Malaysia ke PBB) – RM 5 juta
 3. Dato Nasaruddin Jalil (rakan Anwar yang berkait dengan MBF) – RM 10 juta
 4. Asia Pacific Policy Centre & Douglas H. Paal (APPC) – RM 38 juta (USD 10 juta)
 5. Institut Kajian Dasar (diketuai oleh rakan Anwar, Kamaruddin Jaafar) – RM 5 juta
 6. Aliran & Dr. Chandra Muzaffar – RM 5 juta
 7. ABIM – RM 5 juta
 8. International Institute of Islamic Thoughts – RM 2 juta
 9. Satu Pertubuhan Islam di UK – RM 1 juta
- Jumlah – RM 121 juta

Walau bagaimanapun, Murad gagal memberi sebarang bukti untuk mengesahkan tuduhan-tuduhan ini dalam pengakuan bersumpahnya. Ramai yang dinamakan olehnya seperti Chandra Muzaffar, ALIRAN, ABIM, Wakil Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Abdullah Ahmad dan Anwar Ibrahim menafikan

tuduhan terhadap mereka selepas sidang akhbar Abdul Murad. BPR pula berkata akan menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat tuduhan Murad terhadap Anwar. Selepas itu, Chandra Muzaffar mengambil tindakan undang-undang untuk mendakwa Murad dan menuntut pampasan sebanyak RM70 juta daripadanya.⁷¹⁴

Selepas episod Murad, gadis yang didakwa mempunyai hubungan seks dengan Rahim Tamby Chik, Norhayati Mohd Yusof pula mengadakan sidang akhbar dan menafikan beliau mempunyai hubungan seks dengan Rahim dalam bentuk surat bersumpah.⁷¹⁵ Adalah jelas bahawa pengakuan ini adalah dirancang oleh pihak berkenaan sebagai percubaan untuk membersihkan nama Rahim Tamby Chik dalam sebarang penglibatannya dengan gadis tersebut, demi menunjukkan bahawa kesemua tuduhan yang dilempar oleh pihak pembangkang terhadap beliau pada tahun-tahun yang lepas adalah tidak benar. Selain itu, ia juga merupakan usaha kerajaan BN untuk menyediakan pilihan raya umum yang akan datang. Kedua-dua pengakuan melalui surat bersumpah yang dibuat oleh Murad dan Norhayati secara berturut-turut ini menunjukkan bahawa BN ingin menggunakan undang-undang untuk menjustifikasi hukuman Mahkamah terhadap Anwar Ibrahim dan Lim Guan Eng, yang mana telah digunakan dengan berjaya oleh pihak pembangkang untuk meraih simpati dan sokongan orang ramai terhadap perjuangan mereka.

7.3 Pilihan Raya Umum 1999

Ketidakadilan terhadap Anwar telah membangkitkan kesedaran politik orang ramai sehingga ramai orang yang menyertai KeADILan dan mendaftarkan diri sebagai pengundi, khususnya pemuda-pemudi yang membuang undi bagi kali pertama dan

⁷¹⁴ *New Straits Times*, 4 November 1999, m/s 1 & 6.

juganya yang tidak prihatin terhadap politik. Keadaan ini menyebabkan pihak SPR terpaksa mencetak lebih borang pendaftaran dalam tempoh pendaftaran pengundi pada tahun 1999. Tahun itu merupakan tahun yang mempunyai paling ramai pendaftar baru. Memandangkan daftar pemilih baru yang mengandungi nama ramai penyokong BA ini akan dipakai pada tahun 2000, kerajaan BN telah membubarkan Parlimen secara tiba-tiba semasa sidang Parlimen dijalankan pada 9 November 1999,⁷¹⁵ untuk mengelakkan daftar pemilih baru digunakan.

Dalam tempoh kempen pilihan raya umum, sama seperti pilihan raya umum yang lepas, BN telah banyak memperalatkan media untuk mencaci imej parti pembangkang dan menyebarkan mesej ugutan kepada pengundi. Dalam media yang bukan beraliran Bahasa Melayu, BN menyiaran iklan yang mengheboh-hebohkan kemungkinan wujudnya Negara Islam dan rusuhan kaum seandainya BA menang. Selain itu, siri iklan politik BN yang memutar-belitkan kenyataan parti pembangkang dan rusuhan kaum yang berlaku di Indonesia juga disiarkan secara berturut-turut, untuk menyakinkan orang ramai bahawa parti pembangkang tidak boleh dipercayai dan kemungkinan berlakunya ketidakstabilan di Malaysia. Boleh dikatakan siri propaganda politik ini berjaya mempengaruhi corak mengundi orang bukan Melayu di kawasan bandar yang kurang berminat terhadap isu Anwar Ibrahim dan lebih mementingkan kestabilan politik dan keamanan, manakala propaganda BN melalui media tersebut tidak begitu berkesan terhadap masyarakat Melayu yang simpati dengan Anwar Ibrahim dan menghendaki reformasi politik, kerana mereka telahpun lalu terhadap segala pembohongan dan kenyataan palsu yang dikeluarkan oleh pemerintah. Secara umumnya, mereka lebih percaya pada kenyataan yang dibuat oleh

⁷¹⁵ *New Straits Times*, 3 November 1999, m/s 1 & 7.

⁷¹⁶ *New Straits Times*, 10 November 1999, m/s 1 & 4.

parti pembangkang, khususnya penduduk di Negeri Kelantan dan Terengganu yang merupakan kubu PAS. PAS dan KeADILan telah mengeksplorasi isu Anwar dengan berkesan sekali. Boleh dikatakan bahawa ketidakadilan terhadap Anwar dan mata lebam Anwar telah menjadi isu utama kempen PAS dan KeADILan di kawasan penduduk Melayu.

Walaupun BN cuba memainkan isu perkauman dan isu agama dalam kempennya, tetapi itu tidak mempengaruhi kerjasama di antara penyokong BA yang terdiri daripada pelbagai kaum. Gabungan keempat-empat parti pembangkang di bawah BA telah memperlihatkan semangat muhibbah dan perpaduan pelbagai kaum, yang mewujudkan keadaan di mana ramai orang Melayu berkempen dan mengundi DAP yang telah lama dianggap sebagai musuh orang Melayu. Selain itu, parti-parti pembangkang juga buat pertama kalinya menerima banyak undi melalui undi pos yang dibuang oleh pegawai polis dan tentera yang lazim mengundi BN. Keadaan ini menunjukkan keinginan kuat di kalangan masyarakat Melayu untuk menukar kerajaan. Walau bagaimanapun, perubahan suasana politik di kalangan masyarakat Melayu telah menyebabkan ramai orang bukan Melayu merasa bimbang tentang kemungkinan berlakunya ketidakstabilan politik dan rusuhan, sehingga mereka yakin dengan slogan ‘Menafikan Majoriti Dua Pertiga BN’ yang digunakan oleh DAP yang bertanding di banyak kawasan Cina dan kawasan bandar. Sikap mereka ini pun menyebabkan DAP dan KeADILan kalah di banyak kawasan bandar dan pinggir bandar.

Pilihan raya umum tersebut sekali lagi menunjukkan BN berjaya mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen, iaitu 148 kerusi. Di antaranya, UMNO mendapat 72

kerusi Parlimen berbanding dengan 89 dalam pilihan raya umum 1995. Di samping itu, misi Razaleigh untuk menawan Negeri Kelantan juga gagal dengan teruknya.⁷¹⁷ PAS pula berjaya menambah kuasa mereka dengan menawan kerajaan Negeri Terengganu. Beberapa pemimpin UMNO yang memegang jawatan menteri dan timbalan menteri telah tewas, termasuk Megat Junid, Ibrahim Ali, Mustapa Mohamad, Hamid Othman dan lain-lain.⁷¹⁸ Selain itu, banyak kerusi yang dimenangi oleh UMNO hanya dengan majoriti yang nipis sahaja. Sebagai contohnya, Najib Tun Razak hanya menang dengan undi majoriti sebanyak 241 di Kawasan Parlimen Pekan.

Bagi BA, parti pembangkang hanya mendapat 45 kerusi sahaja, iaitu, PAS 27 kerusi, DAP 10 kerusi, keADILan 5 kerusi dan PBS 3 kerusi. Dari segi kerusi DUN, BN mendapat 281 manakala BA mendapat 113 kerusi. PAS merupakan pemenang yang paling besar. PAS bukan sahaja berjaya menawan dua kerajaan negeri, ia malah memecahkan rekod dengan memenangi 27 kerusi di Parlimen. Sebaliknya, keADILan yang bertanding paling banyak kerusi gagal menunjukkan prestasi yang baik. Ini adalah kerana banyak kawasan yang ditanding oleh KeADILan adalah kawasan yang merupakan kubu BN ataupun pengundi pelbagai kaum. Selain itu, oleh kerana parti itu merupakan parti yang baru dan tidak mempunyai organisasi yang kuat seperti PAS, jadi mereka gagal mencapai keputusan yang cemerlang. atas beberapa sebab. Selain itu, pilihan raya umum ini menunjukkan bahawa isu Anwar hanya berkesan di kawasan majoriti masyarakat Melayu, kecuali Johor, Sabah dan Sarawak yang masih tebal dengan semangat BN. Keputusan pilihan raya ini menunjukkan bahawa PAS

⁷¹⁷ UMNO memenangi 89 kerusi dalam Pilihan raya umum 1995, selepas Semangat 46 yang mempunyai 6 kerusi Parlimen kembali ke UMNO, kerusi Parlimennya pun bertambah kepada 95 kerusi.

⁷¹⁸ *New Straits Times*, 1 Disember 1999, m/s 1.

telah berjaya menjadi alternatif dan pesaing sebenar UMNO di kalangan masyarakat Melayu, khususnya di kawasan luar bandar.

Menurut Pengerusi BN Kelantan, Annuar Musa, kepulangan kira-kira 70 ribu pengundi yang bermastautin di luar Kelantan merupakan antara punca utama kekalahan teruk UMNO. Di antaranya, 20 ribu pengundi dari selatan Negeri Thai dan 50 ribu dari Kuala Lumpur serta negeri-negeri lain. Kedua-dua kumpulan tersebut biasanya menyokong UMNO tetapi mereka telah mempengaruhi keluarga mereka untuk menyokong parti pembangkang. Kepulangan 70 ribu pengundi luar bercampur dengan ahli UMNO yang tidak puas hati terhadap pimpinan parti pun menyebabkan undi BN berkurangan sebanyak 18 sehingga 20 peratus sehingga hampir semua calon UMNO ditewaskan oleh calon PAS atau KeADILan.⁷¹⁹

Menurut penganalisaan bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Alias Ali, statistik di Negeri Terengganu menunjukkan bahawa terdapat 24 peratus daripada keseluruhan 168,550 orang ahli UMNO dalam lapan bahagian berpaling tadah menentang calon UMNO, mengakibatkan 28 daripada 32 orang calon DUN dan 8 daripada 8 calon Parlimen kecundang, sehingga perubahan kuasa daripada BN kepada PAS. Di antaranya, UMNO Bahagian Hulu Terengganu menduduki tempat yang tertinggi. Cuma 14,649 daripada 27,000 orang ahli UMNO mengundi parti mereka, bakinya sebanyak 46 peratus lagi samada mengundi parti lawan ataupun tidak mengundi langsung. Selain itu, lebih kurang 22 peratus ahli UMNO berpaling tadah di Bahagian Kemaman yang diketuai oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Wan Mokhtar Ahmad, menyebabkan beliau tewas bersama calon Parlimen dan dua

⁷¹⁹ *Utusan Malaysia*, 4 Disember 1999, m/s 11.

calon DUN. Keadaan ini menunjukkan keretakan yang begitu mendalam dalam UMNO Terengganu dan juga dalam masyarakat Melayu di pantai timur Semenanjung Malaysia. UMNO Terengganu yang selama ini penuh dengan masalah perpuakan kelihatan lambat mengenal pasti amaran awal kemaraan PAS selepas pilihan raya 1995 dan gagal mengenalpasti *mood* ahli-ahli UMNO pada saat-saat genting pilihan raya umum.

Menurut Alias, perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah menyebabkan ramai pegawai kanan tidak puas hati. Jawatan kosong akibat persaraan yang diisi oleh pegawai yang jauh lebih ‘junior’ mengakibatkan ramai pegawai yang sepatutnya naik pangkat diketepikan. Ramai pegawai-pegawai tersebut mempunyai bidang tugas yang ada hubungan secara langsung dengan penghulu dan ketua-ketua kampong. Kekecewaan mereka menular bukan sahaja ke peringkat kakitangan bawahan tetapi juga menjangkiti akar umbi di kampong-kampong. Mereka tidak berpolitik secara terang-terangan, tetapi ia dibuat secara diam-diam sehingga meniuangkan api perubahan.⁷²⁰

Sebagai rumusan, dari segi masyarakat Melayu, pilihan raya umum ini merupakan kemenangan PAS dan kekalahan UMNO di Semenanjung Malaysia, manakala dari segi masyarakat bukan Melayu di Semenanjung Malaysia, pilihan raya umum tersebut menyaksikan kemenangan MCA dan kekalahan DAP. Ini adalah kerana masyarakat Cina yang selama ini bimbang dengan pembentukan Negara Islam dan rusuhan kaum, kebanyakannya menolak kerjasama di antara DAP dan PAS dan mengundi BN. Pada masa yang sama, DAP gagal memenangi undi Melayu yang cukup untuk

⁷²⁰ Alias Ali, *Ahli UMNO paling tadah*, yang disiarkan di *Utusan Malaysia*, 5 Disember 1999, m/s 10.

mengimbangkan kehilangan undi Cina, sehingga parti itu kalah di banyak kawasan tradisinya. Ini menunjukkan walaupun PAS berjaya menggunakan isu Anwar untuk menjadi alternatif kepada UMNO di kalangan pengundi Melayu, tetapi ideologi parti itu masih gagal mendapat sokongan daripada masyarakat bukan Melayu.

7.4 Perselisihan Dalam UMNO Selepas Pilihan Raya Umum

Perselisihan di dalam UMNO timbul semula di beberapa kawasan selepas pilihan raya umum. Ia bermula dari negeri asal Mahathir, Negeri Kedah. Memandangkan Kedah kehilangan 8 kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN kepada PAS, beberapa pemimpin UMNO Kedah mahu Menteri Besar Sanusi Junid memikul tanggungjawab di atas kekalahan UMNO manakala Persatuan Pesara-Pesara Kerajaan Malaysia (PPPKM) Kedah memberi sokongan kepada beliau.⁷²¹ Akhirnya, Sanusi menolak tawaran perlantikan semulanya sebagai Menteri Besar,⁷²² dan Syed Razak dilantik untuk menggantikan jawatannya.⁷²³

Di Permatang Pauh pula, 13 ahli jawatankuasa UMNO Bahagian Permatang Pauh meletak jawatan selepas Pemangku Ketua Bahagian itu, Ahmad Saad memecat 8 ahli jawatankuasanya selepas Dr. Ibrahim Saad tewas di tangan Wan Azizah bagi kerusi Parlimen. Mereka mendesak supaya Majlis Tertinggi mentadbir pengurusan bahagian tersebut.⁷²⁴

Di Negeri Sembilan, Mohd Isa yang dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan untuk penggal kelima menghadapi masalah dengan pihak Istana yang menunda Majlis

⁷²¹ *Utusan Malaysia*, 3 Disember 1999, m/s 2.

⁷²² *Mingguan Malaysia*, 5 Disember 1999.

⁷²³ *Utusan Malaysia*, 10 Disember 1999, m/s 1, 4.

mengangkat sumpah barisan baru exco kerajaan dengan alasan ia bertembung dengan istiadat pengurniaan darjah kebesaran dan pingat.⁷²⁵ Perkara ini kemudian diselesaikan oleh Ghafar Baba yang menjadi orang tengah.⁷²⁶ Selepas Exco baru Negeri Sembilan berjaya mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Besar, Tuanku Jaafar pada 13 Disember 1999, senarai Exco baru yang mengandungi nama Waad Mansor yang menghadapi beberapa dakwaan rasuah oleh BPR, pun telah mencetuskan rasa tidak puas hati beberapa tokoh UMNO. ADUN Lenggeng, Ishak Ismail merupakan orang yang mula melemparkan kritikan terhadapnya.⁷²⁷ Ini diikuti dengan kritikan daripada Naib Ketua Wanita UMNO, Napsiah Omar dan Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan.⁷²⁸ Akhirnya, Waad Mansor terpaksa tunduk kepada tekanan dan meletakkan jawatan enam hari selepas mengangkat sumpah.⁷²⁹

UMNO Terengganu yang mengalami perselisihan yang serius sehingga Majlis Tertinggi terpaksa melantik Abdullah Badawi sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu untuk menggantikan Wan Mokhtar.⁷³⁰ Selain itu, UMNO juga memecat lima ahli yang menjadi calon dan penyokong parti pembangkang dalam pilihan raya umum di samping mengeluarkan 148 pucuk surat tunjuk sebab kepada mereka yang melanggar disiplin parti.⁷³¹

Pada bulan Mac, kerajaan Negeri Melaka menamakan cawangan Bank Bumiputra Commerce Berhad dan Bank Islam Berhad di negeri itu sebagai dua bank yang

⁷²⁴ *Utusan Malaysia*, 4 Disember 1999, m/s 11.

⁷²⁵ *Utusan Malaysia*, 8 Disember 1999, m/s 1, 4.

⁷²⁶ Ghafar telah menjadi orang tengah di antara Istana Negeri Sembilan dengan Mohd Isa pada kali kedua, kedua-dua kali berpunca daripada keengganan Istana untuk mengesahkan Mohd. Isa dilantik sebagai Menteri Besar, Mohd. Isa. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 10 Disember 1999, m/s 1, 4.

⁷²⁷ *Utusan Malaysia*, 15 Disember 1999, m/s 1.

⁷²⁸ *Utusan Malaysia*, 17 Disember 1999, m/s 1, 8.

⁷²⁹ *Utusan Malaysia*, 19 Disember 1999, m/s 1, 4.

⁷³⁰ *Utusan Malaysia*, 28 Disember 1999, m/s 3.

pekerjaanya menjadi penyokong kuat pembangkang. Demi membalas dendam, Perbadanan Ayer Melaka (PAM) mengeluarkan wang simpanan tetapnya berjumlah RM45 juta dalam kedua-dua bank itu.⁷³² Selain itu, kerajaan Negeri Melaka juga menyenarai-hitamkan 20 kontraktor,⁷³³ beberapa juruukur dan firma guaman dan membatalkan 14 daripada 21 klinik panelnya yang didakwa menyokong pembangkang secara terbuka.⁷³⁴

Perlantikan Jawatan Kerajaan

Selepas perlantikan Menteri Besar di Negeri Sembilan, Kedah dan Johor, Negeri Melaka dan Perak telah menerima Ketua kerajaan negeri yang baru. Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Wira Mohd Ali Rustam dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka menggantikan Abu Zahar yang menjadi Ahli Parlimen Jasin. Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tajol Rosli pula dilantik sebagai Menteri Besar Perak untuk menggantikan Ramli Ngah Talib.⁷³⁵

Kabinet baru Mahathir hanya dibentuk sebelas hari selepas keputusan pilihan raya umum. Jawatan beliau, Abdullah Badawi dan Daim dikekalkan seperti yang dijangka. Menteri baru dan ahli kabinet UMNO yang dinaikkan pangkat termasuk Rais Yatim yang memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Musa Mohamad dilantik menjadi Menteri Pendidikan, Nazri Abdul Aziz dilantik menjadi Menteri Pembangunan Usahawan, Hishammuddin

⁷³¹ *Utusan Malaysia*, 30 Disember 1999, m/s 2.

⁷³² *Berita Harian*, 17 Mac 2000, m/s 4; *Berita Harian*, 18 Mac 2000, m/s 1-2.

⁷³³ *Berita Minggu*, 18 Mac 2000, m/s 1-2.

⁷³⁴ *Berita Harian*, 23 Mac 2000, m/s 2.

⁷³⁵ *Utusan Malaysia*, 3 Disember 1999, m/s 3.

tidak diberi apa-apa jawatan kerajaan. Perlantikan Rais dan tidak terpilihnya Razaleigh sebagai menteri kabinet memperlihatkan taktik Mahathir untuk memecahbelahkan perhubungan kedua-dua bekas pemimpin S46 itu, mungkin untuk mengelakkan mereka daripada bergabung kuasa dan mencabar kedudukannya kelak.

Beberapa bekas Menteri Besar yang menang kerusi Parlimen hanya dilantik sebagai Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sahaja. Ini termasuk bekas Ketua Menteri Melaka, Abu Zahar yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, bekas Menteri Besar Perak, Ramli Ngah Talib dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan manakala bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Mohd Shariff Omar diberi jawatan Timbalan Menteri Pertanian.

Tiga bekas menteri yang merupakan penyokong kuat Mahathir dan tewas dalam pilihan raya, iaitu Megat Junid, Mustapa Mohamed dan Annuar Musa tidak diberi jawatan kerajaan langsung. Walau bagaimanapun, Mustapa Mohamed dilantik sebagai penasihat kewangan kepada Kementerian Kewangan, suatu perlantikan yang agak ganjil kerana ini merupakan jawatan yang dipegang oleh Daim semasa Mustapa menjadi Menteri Kewangan Kedua. Perlantikan tersebut merupakan cara Mahathir menghadiahkan sokongan Mustapa terhadap beliau. Seorang penyokong Anwar mendakwa perlantikan ini berunsur nepotisme kerana Mustapa merupakan anak saudara ipar Daim.⁷³⁶

⁷³⁶ Menurut seorang rakan Anwar, Mustapa ialah anak kakak Daim, jesteru Mustapa adalah anak saudara ipar Daim. Selepas Mustapa dikalahkan pada November 1999, Mahathir dan Daim tidak mempunyai lain cara untuk memberi kerja kepada Mustapa kerana beliau telah berkhidmat selama dua penggal sebagai Ahli Dewan Negara. Mengikut peraturan, tiap-tiap ahli Dewan Negara hanya boleh berkhidmat selama dua penggal sahaja. Jadi, perlantikan Mustapa telah membangkitkan pertanyaan daripada puak Anwar.

Selain itu, kabinet baru juga tidak mengandungi wakil UMNO dari Kelantan dan Terengganu, Mahathir menjelaskan ini adalah disebabkan kerusi Dewan Negara untuk perlantikan senator sudah penuh, dengan itu, pemimpin UMNO di kedua-dua negeri ini pun tidak diberi peluang untuk memegang jawatan kerajaan. Senarai kabinet ini menunjukkan Mahathir memberi keutamaan kepada BN Sabah yang memenangi 17 daripada 20 kerusi Parlimen. Sabah diberi tiga kerusi Menteri penuh, dua Timbalan Menteri dan satu Setiausaha Parlimen, manakala BN Sarawak yang menyapu bersih 28 kerusi Parlimen di negeri itu diberi kuota menteri yang sama juga, iaitu tiga Menteri, empat Timbalan Menteri dan dua Setiausaha Parlimen. Ini mungkin kerana Mahathir ingin memenangi sokongan daripada UMNO Sabah yang merupakan kubu sokongan Anwar.

Mahathir berkata penggal Parlimen tersebut mungkin yang terakhir baginya sebagai Perdana Menteri.⁷³⁷ 12 hari kemudian, Mahathir sekali lagi mengulangi bahawa Abdullah Badawi akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri jika beliau meletak jawatan.⁷³⁸ Ini merupakan kenyataan yang banyak kali diulangi oleh beliau terhadap kesemua timbalannya.

Tindakan Disiplin

Selepas kabinet baru terbentuk, Jawatankuasa Pengurusan Disiplin UMNO memecat 5 ahli kerana menjadi calon dan penyokong parti pembangkang dalam pilihan raya umum selain menghantar 148 surat tunjuk sebab kepada ahli-ahli yang melanggar

⁷³⁷ *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999, m/s 1, 8.

⁷³⁸ *Utusan Malaysia*, 24 Disember 1999, m/s 1.

peraturan dan disiplin parti sepanjang pilihan raya umum itu.⁷³⁹ Pada 17 Januari 2000, dua ahli UMNO dipecat seumur hidup manakala tiga yang lain dipecat keahliannya.⁷⁴⁰ Bilangan ahli UMNO yang berpaling tадah dalam pilihan raya umum menyebabkan Majlis Tertinggi ingin mengemaskini keahliannya yang berjumlah 2.7 juta orang itu bagi mengenal pasti bilangan mereka yang benar-benar ahli dan terus mendukung matlamat perjuangan parti itu.⁷⁴¹

Balas Dendam Terhadap Tokoh Pembangkang

Kemenangan parti pembangkang di banyak kawasan UMNO dalam Pilihan raya umum menyebabkan kerajaan BN ingin membalas dendam terhadap tokoh pembangkang. Pada 12 Januari 2000, Naib Presiden keADILan, Marina Yusuf dan Timbalan Penggerusi DAP, Karpal Singh didakwa di bawah Akta Hasutan. Marina dituduh kerana beliau mendakwa pelbagai pihak bertanggungjawab mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969 dalam ucapannya di Bukit Mertajam pada tahun 1999 manakala Karpal dituduh kerana kenyataannya dalam perbicaraan kes Anwar di Mahkamah. Tuduhan terhadap Karpal adalah agak menakjubkan kerana ia menunjukkan bahawa peguam juga boleh kehilangan imuniti dalam kenyataannya di Mahkamah. Selain itu, pengarang *Harakah*, Zulkifli Sulong dan pencetaknya juga ditahan di bawah dakwaan yang sama.⁷⁴² Sehari kemudian, Ketua Pemuda

⁷³⁹ Di antaranya, Che Ghani Che Ambak dan Bandira Sialang, masing-masing bertanding atas tiket PAS menentang calon BN di kerusi Parlimen Setiu dan Kota Belud. Tiga orang diambil tindakan kerana menjadi pencadang calon parti lawan di Sabah. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 30 Disember 1999, m/s 2.

⁷⁴⁰ Kedua-dua yang dipecat adalah Usaili Alias yang bertanding atas tiket KeADILan di kerusi DUN Bota dan Mohd Azmi Lop Yusoff sebagai calon PAS di DUN Bandar, Terengganu. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 13 Januari 2000, m/s 2.

⁷⁴¹ *Utusan Malaysia*, 31 Januari 2000, m/s 2.

⁷⁴² *Utusan Malaysia*, 13 Januari 2000, m/s 1 & 4.

KeADILan, Mohamad Ezam ditahan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) kerana mengagihkan dokumen-dokumen rahsia kerajaan berhubung siasatan BPR.⁷⁴³

7.5 Pemilihan UMNO 1999

Selepas berakhirnya pertandingan kuasa di antara BN dengan parti pembangkang di arena politik kebangsaan, pertandingan kuasa untuk jawatan tinggi dalam Majlis Tertinggi pun bermula di dalam UMNO.

Saranan tiada pertandingan bagi dua jawatan tertinggi parti dibuat sekali lagi pada 3 Januari 2000 oleh Majlis Tertinggi.⁷⁴⁴ Mahathir juga mengulangi saranannya kepada semua calon UMNO yang bertanding jawatan dalam Majlis Tertinggi supaya jangan menggunakan wang bagi menagih sokongan.⁷⁴⁵ Seminggu kemudian, seruan beliau disokong oleh lapan badan perhubungan UMNO negeri, iaitu UMNO Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Perlis.⁷⁴⁶ Walau bagaimanapun, cadangan Majlis Tertinggi tidak diterima secara sebulat suara. Seminggu selepas itu, Syed Hamid berkata tidak menjadi kesalahan jika mana-mana bahagian UMNO mencadangkan calon bagi merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden,⁷⁴⁷ Ghafar Baba juga berpendapat bahawa kedua-dua jawatan tertinggi UMNO itu harus dipertandingkan untuk mengukuhkan kedudukan orang yang memegang jawatan itu.⁷⁴⁸

⁷⁴³ *Utusan Malaysia*, 14 Januari 2000, m/s 1 & 4. Dokumen tersebut adalah mengenai penyiasatan terhadap rasuah Rahim Tamby Chik, Rafidah Aziz dan lain-lain.

⁷⁴⁴ *Utusan Malaysia*, 4 Januari 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁴⁵ *Utusan Malaysia*, 5 Januari 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁴⁶ *Utusan Malaysia*, 13 Januari 2000, m/s 2.

⁷⁴⁷ *Utusan Malaysia*, 22 Januari 2000, m/s 2.

Dalam tempoh persidangan perwakilan di semua bahagian UMNO, terdapatnya usaha daripada akar-umbi yang cuba mencalonkan orang selain Mahathir dan Abdullah Badawi untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tetapi kebanyakan usaha mereka digagalkan. Selain daripada Razaleigh, segelintir perwakilan di Bahagian Segamat cuba mencalonkan Musa Hitam untuk bertanding jawatan Presiden tetapi mereka menghadapi tentangan yang hebat dalam persidangan tersebut.⁷⁴⁹

Pada 11 Mac, Bahagian Tanah Merah membuat cadangan yang mengejutkan, ia enggan mengikut cadangan Majlis Tertinggi dan mencadangkan Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.⁷⁵⁰ Pada 19 Mac, mesyuarat perwakilan Bahagian Sungai Siput mengusulkan supaya jawatan Perdana Menteri dihadkan untuk tempoh maksima 12 tahun bagi setiap pemimpin yang dilantik sejajar dengan amalan negara maju. Bahagian itu juga mengusulkan penghapusan sistem pencalonan jawatan Majlis Tertinggi yang berdasarkan peratusan tertinggi pencalonan tetapi digantikan dengan peraturan asal yang memadai dengan hanya dua pencalonan untuk kesemua jawatan yang dipertandingkan.⁷⁵¹

Pencalonan Tengku Razaleigh

Pergolakan politik dalam UMNO yang kembali sengit menyebabkan gerak-geri Razaleigh menarik perhatian orang ramai kerana beliau dianggap sebagai calon yang paling layak untuk bertanding dua jawatan tertinggi. Walau bagaimanapun, Razaleigh tidak menunjukkan pendirian yang tegas dalam isu ini. Beliau berkata tiada rancangan

⁷⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 24 Januari 2000, m/s 7.

⁷⁴⁹ *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2000, m/s 2.

⁷⁵⁰ *Utusan Malaysia*, 12 Mac 2000, m/s 2.

⁷⁵¹ *Utusan Malaysia*, 20 Mac 2000, m/s 2.

Dalam tempoh persidangan perwakilan di semua bahagian UMNO, terdapatnya usaha daripada akar-umbi yang cuba mencalonkan orang selain Mahathir dan Abdullah Badawi untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tetapi kebanyakan usaha mereka digagalkan. Selain daripada Razaleigh, segelintir perwakilan di Bahagian Segamat cuba mencalonkan Musa Hitam untuk bertanding jawatan Presiden tetapi mereka menghadapi tentangan yang hebat dalam persidangan tersebut.⁷⁴⁹

Pada 11 Mac, Bahagian Tanah Merah membuat cadangan yang mengejutkan, ia enggan mengikut cadangan Majlis Tertinggi dan mencadangkan Tengku Razaleigh untuk bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.⁷⁵⁰ Pada 19 Mac, mesyuarai perwakilan Bahagian Sungai Siput mengusulkan supaya jawatan Perdana Menteri dihadkan untuk tempoh maksima 12 tahun bagi setiap pemimpin yang dilantik sejajar dengan amalan negara maju. Bahagian itu juga mengusulkan penghapusan sistem pencalonan jawatan Majlis Tertinggi yang berdasarkan peratusan tertinggi pencalonan tetapi digantikan dengan peraturan asal yang memadai dengan hanya dua pencalonan untuk kesemua jawatan yang dipertandingkan.⁷⁵¹

Pencalonan Tengku Razaleigh

Pergolakan politik dalam UMNO yang kembali sengit menyebabkan gerak-geri Razaleigh menarik perhatian orang ramai kerana beliau dianggap sebagai calon yang paling layak untuk bertanding dua jawatan tertinggi. Walau bagaimanapun, Razaleigh tidak menunjukkan pendirian yang tegas dalam isu ini. Beliau berkata tiada rancangan

⁷⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 24 Januari 2000, m/s 7.

⁷⁴⁹ *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2000, m/s 2.

⁷⁵⁰ *Utusan Malaysia*, 12 Mac 2000, m/s 2.

⁷⁵¹ *Utusan Malaysia*, 20 Mac 2000, m/s 2.

untuk bertanding mana-mana jawatan utama sejak awal Januari,⁷⁵² tetapi menyuarakan kesediaannya untuk bertanding pada pemilihan sekiranya dikehendaki oleh ahli-ahli demi kepentingan parti pada 27 Januari.⁷⁵³ Sehari selepas itu, beliau berkata akan menunggu reaksi daripada peringkat bahagian UMNO sebelum mengumumkan pendirian muktamadnya.⁷⁵⁴

Selepas itu, beliau mengeluarkan kenyataan yang bercanggah dengan pendirian Mahathir secara berturut-turut. Razaleigh berkata beliau menyokong perebutan jawatan dalam UMNO kerana ia boleh menguatkan kedudukan parti, dan tanpa pertandingan dan perubahan pada pemilihan Mei boleh menjadikan parti beku dan mati.⁷⁵⁵ Selepas itu, mencadangkan agar calon yang bertanding pada pemilihan parti melepaskan jawatan mereka dalam kerajaan terlebih dahulu bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa di samping membolehkan kesemua calon bertanding di dalam keadaan yang sama rata (adil). Kenyataan Razaleigh telah dipertikaikan oleh pemimpin UMNO yang lain.⁷⁵⁶

Beberapa hari kemudian, Razaleigh menafikan sekali lagi beliau ada rancangan untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.⁷⁵⁷ Kenyataannya disambut baik oleh Mahathir dan beberapa ahli Majlis Tertinggi keesokan hari. Bekas rakan rapat Razaleigh, Rais Yatim menyifatkan ahli-ahli UMNO yang melobi supaya Razaleigh bertanding adalah kumpulan yang tidak cintakan parti dan suka melihat perpecahan

⁷⁵² *Utusan Malaysia*, 7 Januari 2000, m/s 2.

⁷⁵³ *Utusan Malaysia*, 28 Januari 2000, m/s 3.

⁷⁵⁴ *Utusan Malaysia*, 29 Januari 2000, m/s 3.

⁷⁵⁵ *Utusan Malaysia*, 4 Februari 2000, m/s 10.

⁷⁵⁶ *Utusan Malaysia*, 14 Februari 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁵⁷ *Utusan Malaysia*, 17 Februari 2000, m/s 1 & 2.

dalam UMNO. Beliau juga menyifat keputusan Razaleigh pasti akan mengembalikan warna dan corak perjuangan parti kepada asal.⁷⁵⁸

Beberapa hari sebelum kesemua bahagian UMNO mengadakan pemilihan, Razaleigh mengeluarkan kenyataan kepada *Bernama* dengan mencadangkan supaya pemilihan wakil-wakil Bahagian UMNO ke Perhimpunan Agung dan pemilihan calon bagi semua jawatan di peringkat pusat dijalankan secara undi sulit. Di samping itu, pengundian serta pengiraan kertas undi hendaklah dibuat secara terbuka dan disiarkan secara langsung. Kenyataannya dikritik oleh Abdullah Badawi tetapi disambut baik oleh Mahathir.⁷⁵⁹

Tiga Menteri Besar kemudian mencadangkan bahagian UMNO di negeri masing-masing supaya mencalonkan Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden. Ketiga-tiga mereka ialah Shahidan Kassim (Perlis), Tajol Rosli (Perak) dan Syed Razak Syed Zain (Kedah), yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO negeri masing-masing.⁷⁶⁰ Walau bagaimanapun, cadangan mereka tidak disambut dengan positif oleh semua bahagian UMNO di negeri masing-masing. Bahagian Batu Gajah merupakan bahagian pertama yang tidak mengikut cadangan Menteri Besarnya,⁷⁶¹ sehingga akhirnya Tajol Rosli terpaksa berkata bahawa kesemua bahagian bebas membuat keputusan mengenai pencalonan.⁷⁶²

Selepas itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Idris Jusoh mencadangkan agar Razaleigh menawarkan diri untuk jawatan Naib Presiden.

⁷⁵⁸ *Utusan Malaysia*, 18 Februari 2000, m/s 1, 2 & 3.

⁷⁵⁹ *Utusan Malaysia*, 21 Februari 2000, m/s 1 & 4; *Utusan Malaysia*, 22 Februari 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁶⁰ *Utusan Malaysia*, 4 Mac 2000, m/s 2.

⁷⁶¹ *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2000, m/s 2.

Mahathir juga berkata Razaleigh bebas mengumumkan pendiriannya.⁷⁶³ Razaleigh kemudian mengeluarkan kenyataan akhbar yang tidak menyatakan niatnya untuk bertanding mana-mana jawatan dan menunggu reaksi ahli-ahli. Beliau berkata:

“Pemimpin dulu tidak membuat pengumuman, mungkin kerana tabiat Melayu, mereka rasa malu untuk meminta-minta jadi pemimpin. Pertandingan dalam parti bukannya perlawanan tinju untuk merebut hadiah daripada kemenangan sehingga perlu membuat pengumuman terlebih dahulu.

“Sebaliknya, pertandingan dalam parti ialah untuk memikul tanggungjawab. Apakah lagi keadaan UMNO sendiri ketika itu yang sama kritikal seperti hari ini, di mana orang mahu melihat sejauh mana kepimpinan UMNO dapat menarik orang Melayu untuk bersamanya.”⁷⁶⁴

Pelbagai usaha yang cuba mencalonkan Razaleigh untuk jawatan Timbalan Presiden dan Naib Presiden di banyak bahagian gagal. Sehingga 23 Mac, beliau hanya menerima tiga pencalonan. Selain daripada Bahagian Tanah Merah yang mencalonkan Razaeligh untuk bertanding kedua-dua jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, Bahagian Gerik dan Jeli pula mencalonkan beliau untuk jawatan Naib Presiden. Walau bagaimanapun, Razaleigh yang kelihatan tidak berminat terhadap pencalonan itu semua berkata, tindakan tiga bahagian UMNO tersebut mungkin untuk

⁷⁶² *Utusan Malaysia*, 7 Mac 2000, m/s 3.

⁷⁶³ *Utusan Malaysia*, 7 Mac 2000, m/s 1-2.

⁷⁶⁴ *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2000, m/s 3.

melaga-lagakan beliau dengan pucuk pimpinan UMNO. Beliau masih menegaskan bahawa beliau tidak berminat untuk bertanding dua jawatan tertinggi.⁷⁶⁵

Selepas kenyataan Razaleigh, Bahagian Pasir Mas mencalonkan Mahathir sebagai Presiden dan Razaleigh sebagai Timbalan Presiden.⁷⁶⁶ Bahagian Kuala Pilah pula mencalonkannya untuk bertanding jawatan Naib Presiden.⁷⁶⁷ Pada 31 Mac, Razaleigh mengajak semua anggota UMNO memberi sokongan sepenuhnya kepada Mahathir dan Abdullah Badawi sebagai Presiden dan Timbalan Presiden.⁷⁶⁸

Dari segi cadangan pengundian secara sulit bagi pemilihan calon untuk jawatan Majlis Tertinggi, termasuk Presiden dan Timbalan Presiden, beliau cuma menang menerusi kaedah itu di Maran. Beliau gagal dalam pengundian sulit bagi jawatan Presiden di Gelang Patah; Kuantan (Timbalan Presiden) dan Subang (Naib Presiden). Pencalonannya juga dipatahkan oleh undi majoriti secara angkat tangan bagi jawatan Presiden di Johor Bahru; Sungai Siput, Segambut, Bakri dan Beaufort (Timbalan Presiden) dan Segambut (Naib Presiden). Beliau merupakan satu-satunya dicalonkan bagi semua kategori jawatan tertinggi termasuk Majlis Tertinggi bagi pemilihan UMNO 2000.⁷⁶⁹

Akhirnya, pencalonan Bahagian Gua Musang yang berada di bawah kawalan Razaleigh turut menarik perhatian orang ramai, kerana keputusan bahagian itu akan membayangkan hasrat sebenar Razaleigh dalam pemilihan UMNO. Mesyuarat perwakilan Bahagian Gua Musang membuat keputusan menyerahkan hak pencalonan

⁷⁶⁵ *Utusan Malaysia*, 24 Mac 2000, m/s 2.

⁷⁶⁶ *Utusan Malaysia*, 25 Mac 2000, m/s 3.

⁷⁶⁷ *Utusan Malaysia*, 27 Mac 2000, m/s 3.

⁷⁶⁸ *Utusan Malaysia*, 1 April 2000, m/s 3.

semua kategori jawatan termasuk Naib Presiden kepada ahli Jawatankuasa bahagian itu.⁷⁷⁰ Jawatankuasa bahagian itu kemudian mencalonkan Mahathir sebagai Presiden dan Abdullah Badawi sebagai Timbalan Presiden, di samping Razaleigh sebagai Naib Presiden. Pencalonan Razaleigh sebagai Naib Presiden ini merupakan undi yang paling diperlukan oleh Razaleigh untuk melayakkannya sebagai calon Naib Presiden. Walau bagaimanapun, Majlis Tertinggi memutuskan bahawa kesemua pencalonan Bahagian Gua Musang untuk pemilihan UMNO terpaksa ditolak, kerana tindakan perwakilan Gua Musang yang menyerahkan soal pencalonan kepada jawatankuasa bahagiannya untuk memutuskannya tidak menepati kehendak peraturan mesyuarat. Sebaliknya, Majlis Tertinggi menerima keputusan pencalonan yang dibuat oleh Bahagian Tawau yang hanya mencalonkan dua nama bagi jawatan Naib Presiden yang sepatutnya membuat tiga pencalonan, atas alasan arahan belum dikeluarkan pada masa itu.⁷⁷¹ Keputusan ‘double standard’ Majlis Tertinggi pun menunjukkan sikap tidak percaya Mahathir dan Badawi terhadap Razaleilgh dan mereka ingin mengeluarkan ugutan ini daripada lingkungan kuasa UMNO.

Keputusan Majlis Tertinggi yang menyebabkan Razaleigh terkeluar daripada kelayakan bertanding Naib Presiden dengan sendirinya mengenepikan apa juu ancaman Razaleigh terhadap Mahathir. Sebab Razaleigh tidak ingin mengumumkan keinginannya terhadap mana-mana jawatan adalah disebabkan ketidakpastiannya sejauh mana bahagian-bahagian UMNO mahukan beliau kembali memimpin mereka. Sebagai seorang tokoh yang pulang ke pangkuhan UMNO selepas berjuang menentang Mahathir selama lapan tahun di luar UMNO, semangatnya untuk melawan Mahathir semula mungkin telah luntur. Selain itu, beliau mungkin tidak pasti sokongan yang

⁷⁶⁹ *Utusan Malaysia*, 15 April 2000, m/s 3.

⁷⁷⁰ *Utusan Malaysia*, 11 April 2000, m/s 2.

akan diperolehnya dan juga akibat pengumuman pendiriannya. Kenyataannya yang menunjukkan sikap acuh tak acuh terhadap pemilihan UMNO pada tahun 2000 menunjukkan beliau mungkin ingin menguji populariti dan sokongannya dalam UMNO, iaitu beliau mahu akar-umbi UMNO membuat keputusan bagi pihak beliau dan menentukan jawatan mana yang harus ditandinginya, supaya beliau boleh bertanding dalam keadaan yang kelihatan ‘dikehendaki dan dipaksa’ oleh akar-umbi, seperti keadaan di mana Anwar mencabar Ghafar Baba pada tahun 1993. Walau bagaimanapun, sikap ketidaktentuannya terhadap jawatan yang ingin ditandinginya menyebabkan ramai orang yang tidak berpuas hati terhadap Mahathir gagal untuk memahami keinginannya, sehingga mereka merasa susah untuk membuat keputusan dari segi pencalonan, dan akhirnya apabila bahagian Razaleigh sendiri mencalonkan beliau untuk bertanding jawatan Naib Presiden, beliau pula dihilangkan kelayakan untuk bertanding.

Naib Presiden

Oleh kerana jawatan Naib Presiden dianggap sebagai jawatan yang mempunyai kedudukan dalam barisan ketiga hiraku UMNO, dan Timbalan Presiden UMNO akan dipilih di antara tiga pemegang jawatan tersebut sekiranya Mahathir meletakkan jawatan Presiden UMNO secara automatiknya, jawatan itu menjadi rebutan ramai tokoh UMNO. Pemilihan UMNO pada tahun tersebut telah mencatat sejarah dengan terdapatnya sembilan calon bertanding jawatan tersebut, yang mana membayangkan minat para calon untuk menjadi pewaris dua jawatan tertinggi dalam parti. Terdapat tiga Menteri Besar dan Ketua Menteri menawarkan diri untuk jawatan tersebut, iaitu

⁷⁷¹ *Utusan Malaysia*, 18 April 2000, m/s 1 & 4.

Abu Hassan Omar,⁷⁷² Ghani Othman, Isa Samad dan Osu Sukam.⁷⁷³ Keadaan ini menyebabkan Menteri Besar Perak, Tajol Rosli mengesyorkan supaya hanya seorang wakil daripada kalangan Menteri Besar dan Ketua Menteri sahaja yang bertanding bagi jawatan tersebut, tetapi cadangannya tidak dihirau oleh para calon tersebut.⁷⁷⁴ Calon lain yang ingin mencuba nasib untuk jawatan itu termasuklah Mohammad Muhd Taib sebagai penyandang jawatan, Rais Yatim, Syed Hamid Albar dan Muhyiddin Yassin yang pernah menang pada tahun 1993 tetapi tewas pada tahun 1996.

Pada 17 Februari, Majlis Tertinggi membenarkan Muhammad Taib kembali menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi dan menjalankan tugasnya semula sebagai Naib Presiden selepas hampir tiga tahun diarahkan bercuti.⁷⁷⁵ Ini secara tidak langsung mengiktiraf kelayakannya untuk bertanding jawatan tersebut.

Banyak ramalan dibuat terhadap sembilan calon tersebut. Menurut *Asiaweek* dan komentar ahli politik veteran, Abdullah Ahmad, calon yang paling sesuai ataupun mungkin dipilih ialah Najib Tun Razak; Ketua Menteri Sabah, Osu Sukam dan bekas dekan ekonomi di Universiti Malaya yang kini merupakan Menteri Besar Johor, Ghani Othman. Osu berjaya mengetuai BN Sabah untuk memenangi 17 daripada 20 kerusi Parlimen dalam Pilihan raya yang lepas. Sekiranya Osu berjaya dipilih menjadi

⁷⁷² Menteri Besar Selangor Abu Hassan Omar yang dicalonkan oleh kesemua 17 bahagian UMNO Selangor (Rujuk: *Utusan Malaysia*, 20 Januari 2000, m/s 3). Walau bagaimanapun, dalam mesyuarat UMNO Bahagian Subang, bahagian itu mencalonkan dua tokoh dari Selangor, iaitu Muhammad Taib dan Abu Hassan untuk bertanding jawatan Naib Presiden. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 13 Mac 2000, m/s 3.

⁷⁷³ Shahidan Kassim masing-masing menyatakan hasrat mereka untuk bertanding jawatan Naib Presiden pada hari pertama dan kedua dalam Januari 2000. Beberapa hari kemudian, Shahidan berkata beliau bertukar fikiran dan tidak akan mencabar jawatan Naib Presiden dengan tujuan mengekalkan perpaduan dalam parti. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 8 Januari 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁷⁴ *Utusan Malaysia*, 14 Februar 2000, m/s 3.

⁷⁷⁵ *Utusan Malaysia*, 18 Februar 2000, m/s 1-3.

Naib Presiden, beliau akan menjadi jambatan di antara Malaysia Timur dan Kerajaan Persekutuan dan beliau akan memainkan peranan yang penting bagi UMNO untuk masuk ke Sarawak. Calon lain yang dianggap mempunyai potensi oleh *Asiaweek* adalah Abu Hassan Omar.⁷⁷⁶

Sebelum pemilihan UMNO diadakan, akronim NGO yang merupakan huruf pertama nama Najib, Ghani dan Osu menjadi percakapan di kalangan perwakilan. NGO dianggap sebagai barisan calon yang mempunyai peluang kemenangan yang tinggi dan diterima oleh Mahathir.⁷⁷⁷

Wanita UMNO

Kedua-dua pemimpin Wanita UMNO yang tidak sehaluan dengan Siti Zaharah, Naib Ketua Wanita UMNO, Napsiah Omar dan Rafidah Aziz berkeinginan untuk bertanding jawatan Ketua Wanita menjelang Januari 2000.⁷⁷⁸ Rafidah Aziz pula diminta oleh beberapa Exco Wanita UMNO untuk bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan parti,⁷⁷⁹ dan cadangan ini disokong oleh Siti Zaharah. Selepas itu, Ketua Wanita Perak, Ainon Khariyah menyatakan bahawa sebelas Wanita UMNO negeri menyokong Siti Zaharah untuk mempertahankan jawatan Ketua Wanita,⁷⁸⁰ tetapi kenyataannya itu dinafikan dan dibidas oleh Napsiah Omar sehingga Ainon terpaksa menafikan beliau menjadi jurucakap bagi 11 Wanita UMNO yang menyokong Siti Zaharah. Kenyataan secara terbuka mereka menyebabkan Khalil Yaakob dan Abdullah Badawi menasihatkan Wanita UMNO supaya tidak menjadikan

⁷⁷⁶ *Utusan Malaysia*, 10 Mei 2000, m/s 6; *Asiaweek*, 12 Mei 2000.

⁷⁷⁷ *New Straits Times*, 11 Mei 2000, m/s 2.

⁷⁷⁸ *Mingguan Malaysia*, 16 Januari 2000, m/s 4.

⁷⁷⁹ *Utusan Malaysia*, 7 Januari 2000, m/s 1 & 8.

pertandingan merebut jawatan Ketua Wanita sebagai konflik peribadi dan jangan berkempen secara keterlaluan.⁷⁸¹ Nasihat tersebut menunjukkan pertandingan kuasa yang begitu sengit dalam Pergerakan Wanita UMNO. Rafidah mengakui bahawa pergolakan dalam Wanita UMNO menguatkan hasrat beliau untuk kembali memimpin pergerakan itu. Pergolakan seterusnya turut melibatkan Ketua Wanita UMNO Selangor, Rakibah Abdul Manaf yang telah diminta bercuti panjang oleh beberapa wakil Siti Zaharah. Selain itu, Rafidah juga menolak cadangan beberapa Ketua Wanita UMNO bahagian yang meminta campur tangan Mahathir bagi mengelakkan pertandingan jawatan ketua pergerakan itu.⁷⁸² Walau bagaimanapun, usul tiada pertandingan terhadap jawatan Ketua Wanita yang digembar-gemburkan itu tidak dikemukakan pada mesyuarat exco pergerakan wanita pada 27 Januari, dengan itu, pertandingan jawatan Ketua pun terbuka untuk semua.⁷⁸³

Selain daripada pertandingan di antara Rafidah dan Siti Zaharah, jawatan Naib Ketua Wanita yang dipegang oleh Napsiah Omar juga menghadapi cabaran daripada Shahrizat Abdul Jalil yang berada di kem Rafidah dan penyokong Siti Zaharah, Ainon Khariyah.⁷⁸⁴

Sokongan Mahathir secara diam-diam terhadap Rafidah dalam pertandingan kuasa tersebut bukan sahaja ditunjukkan dari sudut laporan media, tetapi juga dalam keputusan muktamad oleh Jabatan Peguam Negara di mana mereka tidak bercadang untuk mendakwa Rafidah berhubung isu pemberian saham kepada manantunya.⁷⁸⁵

⁷⁸⁰ *Utusan Malaysia*, 14 Januari 2000, m/s 3.

⁷⁸¹ *Utusan Malaysia*, 17 Januari 2000, m/s 1 & 4; *Utusan Malaysia*, 18 Januari 2000, m/s 2.

⁷⁸² *Utusan Malaysia*, 19 Januari 2000, m/s 3.

⁷⁸³ *Utusan Malaysia*, 28 Januari 2000, m/s 3.

⁷⁸⁴ *Utusan Malaysia*, 18 Februari 2000, m/s 3.

⁷⁸⁵ *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2000, m/s 1 & 4.

Pengumuman tersebut membebaskan Rafidah daripada sebarang tuduhan rasuah dan salah laku.

Pemuda UMNO

Barisan Exco Pemuda UMNO dan Ketua-ketua Pemuda UMNO negeri sebulat suara mengekalkan Hishammuddin Hussein Onn sebagai calon tunggal bagi jawatan Ketua Pemuda UMNO sejak bulan Januari lagi. Mereka juga sepakat menyetujui syor Majlis Tertinggi UMNO supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dicabar.⁷⁸⁶ Selepas itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda, Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Pengerusi Majlis Kemahasiswaan dan Latihan, Zein Isma Ismail menyatakan keinginan untuk bertanding bagi jawatan Naib Ketua Pemuda.⁷⁸⁷

Pada hari sebelum pemilihan, seorang calon Exco Pemuda dan 4 perwakilan Pemuda UMNO digugurkan atas sebab teknikal.⁷⁸⁸

UMNO Johor

Oleh kerana terdapat tiga tokoh Johor yang berminat untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden, Ketua Penerangan UMNO Johor, Khaled Nordin telah mencadangkan supaya dicalonkan seorang sahaja dari negeri itu bagi memastikan kemenangan wakil Johor dalam pemilihan parti,⁷⁸⁹ tetapi cadangannya ditegur oleh calon-calon Johor.

⁷⁸⁶ *Utusan Malaysia*, 13 Januari 2000, m/s 2.

⁷⁸⁷ *Utusan Malaysia*, 28 Januari 2000, m/s 3.

⁷⁸⁸ *Utusan Malaysia*, 10 Mei 2000, m/s 2.

⁷⁸⁹ *Utusan Malaysia*, 18 Januari 2000, m/s 2.

Setelah Muhyiddin menawarkan diri untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden, Pemuda dan Wanita UMNO Johor mengambil ketetapan untuk menyokong Ghani Othman sebagai calon tunggal untuk merebut jawatan tersebut dari Negeri Johor manakala Wanita Johor menyokong Siti Zaharah untuk mempertahankan jawatan ketua pergerakan itu.⁷⁹⁰

Dalam tempoh sidang perwakilan bahagian, Muhyiddin mengadu terdapat 16 daripada 20 bahagian di Johor menerima arahan daripada pihak tertentu supaya tidak mencalonkan namanya.⁷⁹¹ Beliau kemudian berjumpa dengan Mahathir bagi mengemukakan bukti dakwaannya itu. Walau bagaimanapun, kenyataan Muhyiddin dinafikan oleh tujuh ketua bahagian UMNO Johor.⁷⁹² Selepas itu, Abdullah Badawi pula menafikan dakwaan Muhyiddin yang menyatakan bahawa terdapatnya ‘sistem barter’ di antara Ketua Menteri dan Menteri Besar dalam menentukan pencalonan menjelang pemilihan UMNO.⁷⁹³ Kesemua kenyataan ini menunjukkan persaingan yang sengit di antara puak-puak di dalam UMNO Johor.

Kod Etika Berkempen

Pada awal Februari, Mahathir berkata ahli-ahli UMNO dibenarkan berkempen selagi tidak melanggar kod etika yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi.⁷⁹⁴ Kod etika tersebut adalah hampir sama dengan peraturan melarang kempen dalam pemilihan UMNO.

⁷⁹⁰ *Utusan Malaysia*, 21 Januari 2000, m/s 4.

⁷⁹¹ *Utusan Malaysia*, 14 Mac 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁹² *Utusan Malaysia*, 15 Mac 2000, m/s 1, 3.

⁷⁹³ *Utusan Malaysia*, 16 Mac 2000, m/s 3.

⁷⁹⁴ Kod etika Majlis Tertinggi:

- Calon tidak boleh membeli undi atau pencalonan.

Memang terdapat ramai calon yang tidak mengikuti arahan larangan berkempen yang dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi. Pada 20 April, Hishammuddin mengesahkan bahawa dua calon Pemuda akan dipanggil untuk memberi penjelasan berhubung salah laku semasa berkempen.⁷⁹⁵ Selepas itu, Jawatankuasa Pemilihan Pemuda pula menjalankan siasatan terhadap latar-belakang kesemua 61 calon yang akan bertanding bagi jawatan Pemuda UMNO sebelum nama mereka diserahkan kepada ibu pejabat parti, untuk mengenal pasti samada mereka pernah dikaitkan dalam sebarang kes jenayah atau diisyihar muflis.⁷⁹⁶ Selepas itu, UMNO menghendaki kesemua calon yang bertanding untuk menandatangani ikrar tidak akan berkempen dan mengamalkan politik wang. Nama mereka yang melanggar peraturan akan didedahkan.⁷⁹⁷

Selepas itu, Majlis Tertinggi mengarahkan kesemua perwakilan UMNO meninggalkan ibu negara dan hanya datang semula pada 9 Mei 2000 demi

-
- Calon tidak boleh memberi hadiah kepada perwakilan, tidak boleh menganjurkan atau membiayai kos perjalanan pengangkutan, penginapan serta makanan bagi perwakilan bersabit dengan kehadiran dalam persidangan perwakilan parti atau menganjurkan lawatan bagi perwakilan.
 - Calon tidak dibenarkan mengeluarkan derma atau bantuan kepada perwakilan, bahagian, cawangan sebaik sahaja tarikh mesyuarat agung ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.
 - Calon dilarang menganjurkan perhimpunan, pertemuan dan jamuan melibatkan perwakilan.
 - Bagi peraturan bahagian, cawangan atau bahagian sendiri, ia tidak boleh menerima atau meminta derma atau sumber atau pengurusan untuk bahagian atau cawangan daripada calon atau wakil bersabit dengan kehadiran mereka pada mesyuarat persidangan cawangan yang diadakan.
 - Bahagian atau cawangan tidak boleh menganjurkan pertemuan dengan perwakilan atau calon.
 - Pencalonan di peringkat bahagian atau cawangan hendaklah mengikut keperluan perlembagaan.

Rujuk: *Utusan Malaysia*, 4 Februari 2000, m/s 1 & 4.

⁷⁹⁵ *Utusan Malaysia*, 21 April 2000, m/s 3.

⁷⁹⁶ *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000, m/s 3.

⁷⁹⁷ *Utusan Malaysia*, 26 April 2000, m/s 2. Ikrar Calon ini berbunyi:

Demi menjamin kepentingan parti, agama dan negara, kami bersetuju dan berikrar supaya:- i) Tidak meneruskan kempen dalam apa juga bentuk; ii) Tidak mengamalkan politik wang dan politik rasuh; iii) Menghentikan apa-apa juga gerakan kempen oleh penyokong, wakil, ejen secara langsung atau tidak langsung; iv) Tidak akan menghubungi perwakilan atau membentarkan perwakilan menghubungi kami, dengan apa cara sekalipun, termasuk lawatan ke rumah calon-calon, penggunaan telefon, faks dan sebagainya.

*Kami akan bertanding atas asas kekeluargaan dan akan mengutamakan silaturahim antara pemimpin-pemimpin UMNO.

*Kami tidak akan menggunakan apa-apa kemudahan-kemudahan rasmi untuk kepentingan pertandingan;

*Kami rela menerima apa juga keputusan perwakilan dan akan berusaha menyatupadukan parti dan merapatkan barisan selepas pertandingan.

Semoga Allah s.w.t. merestui perjuangan UMNO.

mengelakkan politik wang dan berkempen. Malah, Khalil Yaakob telah mlarang calon mengedarkan kad nama mereka kepada para perwakilan.⁷⁹⁸ Walau bagaimanapun, aktiviti kempen dan politik wang masih berlaku di luar Kuala Lumpur dan gagal dipantau oleh pucuk pimpinan.

Taktik Kempen Pemilihan UMNO

Dalam tempoh kempen pemilihan UMNO, sesetengah tokoh UMNO menggunakan beberapa isu yang bercorak perkauman sebagai modal politik mereka, khususnya program asing yang diimport daripada Taiwan, Hong Kong dan Negeri China yang disiarkan oleh stesen TV Astro. Isu ini kuat dipelopori oleh Pemuda UMNO dan akhbar Bahasa Malaysia sepanjang tempoh kempen pemilihan UMNO.

Pencalonan penuh bahagian UMNO (sebelum pencalonan Bahagian Gua Musang ditolak oleh Majlis Tertinggi) adalah seperti berikut:⁷⁹⁹

Pencalonan Bahagian UMNO (1 Mac hingga 17 April 2000)	
Presiden (50)	
Mahathir Mohamad*	164
Tengku Razaleigh Hamzah	1
Timbalan Presiden (33)	
Abdullah Ahmad Badawi	163
Tengku Razaleigh Hamzah	2

⁷⁹⁸ *Utusan Malaysia*, 8 Mei 2000, m/s 1 & 2.

⁷⁹⁹ *Utusan Malaysia*, 15 April 2000, m/s 2; *Utusan Malaysia*, 17 April 2000, m/s 2.

Naib Presiden (17)	
Najib Tun Razak*	151
Abdul Ghani Othman	80
Abu Hassan Omar	58
Syed Hamid Albar	37
Osu Sukam	35
Muhammad Mohd. Taib*	32
Muhyiddin Yassin	30
Mohd. Isa Abdul Samad	28
Rais Yatim	21
Tengku Razaleigh Hamzah	17
Tajol Rosli Ghazali	3
Sanusi Junid	1
Ketua Wanita (33)	
Rafidah Aziz	92
Siti Zaharah Sulaiman*	73
Naib Ketua Wanita (25)	
Shahrizat Abdul Jalil	93
Ainon Khariyah Mohd. Abas	48
Napsiah Omar*	25
Ketua Pemuda (33)	
Hishammuddin Tun Hussein	164
Munir Shah Raja Mustapha	1
Naib Ketua Pemuda (25)	
Abdul Aziz Sheikh Fadzir	124

Zein Isma Ismail	29
Mustapha Khalid	11
Zahidi Zainul Abidin	1
*Penyandang jawatan	
() Kelayakan minimum bertanding	

Keputusan Pemilihan UMNO

Bagi Wanita UMNO, salah satu taktik yang digunakan oleh puak Siti Zaharah sepanjang kempennya adalah isu tudung. Beliau mula memakai tudung beberapa bulan sebelum pemilihan UMNO, satu tanda yang menunjukkan puaknya lebih beriman dan berpegang kepada ajaran Islam. Sebenarnya, kebanyakan perwakilan wanita yang hadir pada Perhimpunan Agung UMNO pada Mei 2000 memakai tudung, manakala Rafidah enggan memakai tudung dan hanya memakai selendang yang biasanya dipakai oleh perwakilan Wanita UMNO sahaja kerana pegangan prinsipnya. Isu tudung ini membayangkan kecondongan terhadap Islam yang semakin sebatи di kalangan wanita UMNO.⁸⁰⁰ Akhirnya, Rafidah berjaya menewaskan Siti Zaharah dengan majoriti 12 undi sahaja, sementara Shahrizat yang mendapat 394 undi menewaskan Ainon Khariyah yang memperolehi 271 undi. Perbezaan undi majoriti ini menunjukkan bahawa pengaruh yang agak sama di antara Siti Zaharah dan Rafidah.⁸⁰¹ Bagi Pemuda UMNO, Abdul Aziz Sheikh Fadzir mengalahkan Zein Isma Ismail untuk jawatan Naib Ketua dengan undi majoriti 180.⁸⁰²

⁸⁰⁰ *New Straits Times*, 11 Mei 2000, m/s 2 & 7.

⁸⁰¹ Exco Wanita UMNO yang menang dipilih adalah: Maznah Hamid (447), Senator Kamila Ibrahim (420), Mesrah Selamat (401), Mastika Junaidah Hussein (400), Seripah Noli (394), Maznah Mazlan (385), Ropiaah Raja Abdullah (384), Senator Hazizah Sultan (380), Senator Melati Ali (374), Khamsiyah Yeop (373), Zaleha Hussin (372), Norjan Khan Bahadar (362), Fuziah Abdul Hamid (360), Dayang Mahani Ahmad Raffae (358), Norraesah Mohamed (345), Shuhanie Deraman (323), Illani

Keputusan pemilihan Naib Presiden menyaksikan kesemua bekas tokoh *Team Wawasan* dipilih semula menjadi Naib Presiden. Najib Tun Razak mendapat undi yang paling tinggi, iaitu 1289, diikuti oleh 853 undi oleh Muhammad Taib dan 813 undi Muhyiddin Yassin. Undi yang diperolehi oleh calon lain yang gagal adalah seperti berikut: Osu Sukam (629), Abu Hassan Omar (616), Syed Hamid Albar (524), Abdul Ghani Othman (469), Isa Abdul Samad (421) dan Rais Yatim (371).

Keputusan pemilihan UMNO juga memperlihatkan empat Menteri Besar yang bertanding untuk jawatan Naib Presiden kalah dan tiada calon wanita dipilih untuk menganggotai Majlis Tertinggi. Ini mungkin kerana perpecahan undi yang disebabkan oleh persaingan sengit di kalangan calon Naib Presiden dan calon Majlis Tertinggi. Selain itu, perpecahan dalam pucuk pimpinan Wanita UMNO juga telah membosankan ramai perwakilan sehingga tiada calon wanita yang dipilih ke Majlis Tertinggi.

Walaupun Bahagian Kubang Pasu yang diterajui oleh Mahathir mencalonkan ketigatiga bekas tokoh *Team Wawasan*, ramai menganggap ini hanyalah suatu kebetulan dan bukannya keinginan Mahathir. Mengikut penganalisaan pemerhati UMNO, kemenangan *Team Wawasan* adalah kerana mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli di peringkat akar-umbi di samping mengamalkan politik wang. Kekalahan

Ishak (316), Mariani Mohd Yit (315), Robia Kosai (310), Sharifah Azizah Syed Zain (309). Rujuk *New Straits Times*, 11 Mei 2000, m/s 6; *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2000, m/s 1-2.

⁸⁰² Ahli Exco Pemuda UMNO yang menang dipilih adalah: Wan Mohd Khairil Anuar Wan Ahmad (524), Ikhmal Hisham Abdul Aziz (483), Shamsul Anwar Sulaiman (464), Said Anuar Said Ahmad (455), Azimi Daim (449), Subahan Kamal (433), Ahmad Hamid Nazahar (423), Affendi Zahari (397), Adham Baba (390), Ismail Sabri (385), Abdullah Mat (367), Ezanee Abdullah (349), Shaziman Abu Mansor (347), Mohd Norza Zakaria (344), Zambry Abdul Kadir (338), Azman Shah Omar Shah (334), Warno Dogol (312), Zahidi Zainul Abidin (312), Nur Jazlan Mohamad (307), Mohd Khir Toyo (287). Rujuk: *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2000, m/s 10; *New Straits Times*, 11 Mei 2000, m/s 4.

calon yang diingini oleh Mahathir dan kemenangan bekas tokoh *Team Wawasan* pada masa yang sama membayangkan sikap bantahan perwakilan terhadap keinginan Mahathir dan penerimaan terhadap politik wang.

Terdapat 11 muka baru terpilih dalam Majlis Tertinggi dan 8 penyandang jawatan yang kalah. Mereka merangkumi penyokong Mahathir dan bekas penyokong Anwar. Mereka yang kalah termasuk: Affifudin Omar, Megat Junid, Shahrizat Abdul Jalil, Ibrahim Saad, Shahidan Kassim, Ibrahim Ali, Zaleha Ismail, Abdul Hamid Pawanteh.⁸⁰³

Keputusan pemilihan UMNO menyaksikan pengaruh Anwar. Menurut seorang bekas rakan Anwar, 7 di antara 25 ahli yang dipilih merupakan penyokong Anwar.⁸⁰⁴ Zahid Hamidi yang dilihat sebagai penyokong kuat Anwar malah mendapat tempat keempat dari segi jumlah undi bagi pemilihan Majlis Tertinggi. Sokongan terhadap Anwar juga dibayangkan dari segi undi yang diperolehi oleh Affifudin Omar (818) dan Muhyiddin Yassin (813) yang lebih kurang sama. Ini menunjukkan bahawa Anwar mempunyai pengaruh sebanyak 40 peratus di kalangan perwakilan UMNO. Selain itu, kemenangan penyokong Musa Hitam, Shahrir Samad dengan undi sebanyak 1,030 dan juga kegagalan tokoh yang didakwa menjatuhkan Anwar seperti Megat Junid, Rahim Tamby Chik, dan juga Ibrahim Ali yang kuat membidas Anwar selepas

⁸⁰³ Keputusan Pemilihan ahli Majlis Tertinggi adalah: Wira Mohd. Ali Rustam (1,647), Mustapa Mohamed (1,628), Tajol Rosli Ghazali (1,439), Ahmad Zahid Hamidi (1,370), Mohd Nazri Aziz (1,354), Abdul Hamid Othman (1,341), Mohd. Shafie Apdal (1,338), Jamaluddin Jarjis (1,268), Abdul Aziz Shamsuddin (1,263), Annuar Musa (1,232). Azmi Khalid (1,192), Azim Mohd Zabidi (1,122), Yusof Noor (1,076), Shahrir Samad (1,030), Abdul Kadir Sheikh Fadzir (1,021), Adnan Yaakub (1,019), Suleiman Mohamed (1,008), Shafie Mohd Salleh (1,003), Salleh Said Keruak (993), Khalid Yunus (966), Hassan Harun (960), Lajim Ukin (932), Ramli Ngah Talib (898), Hassan Ariffin (889) dan Hilmi Yahya (864). Rujuk: *New Straits Times*, 13 Mei 2000, m/s 2.

⁸⁰⁴ Bekas penyokong Anwar adalah: Ahmad Zahid Hamidi, Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Mohd. Shafie Salleh, Salleh Said Keruak, Khalid Yunus dan Hassan Ariffin.

pemecatannya, menunjukkan bantahan perwakilan terhadap kekejaman Mahathir terhadap Anwar.

Beberapa ucapan yang dibuat oleh perwakilan dalam Perhimpunan Agung UMNO menggambarkan rasa tidak puas hati mereka terhadap sistem pemilihan parti. Dua wakil wanita dari Johor dan Negeri Sembilan menyuarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap prosedur pencalonan. Mereka menghendaki cara tersebut dikaji semula. Mereka juga merasa kecewa kerana Napsiah Omar tidak dapat bertanding jawatan Naib Ketua Wanita kerana kekurangan satu pencalonan sahaja.⁸⁰⁵

Pemuda UMNO juga menyuarakan pandangan yang agak kritikal, di mana Hishammuddin mahu UMNO meneliti mesej yang disampaikan oleh rakyat melalui keputusan pilihan raya umum 1999. Ramai wakil Pemuda merasa perlunya bagi Pemuda UMNO untuk menawan sokongan daripada belia Melayu, khususnya mereka yang akan membuang undi pada tahun 2004. Pergerakan itu juga menggariskan 8 gagasan utama sebagai pelengkap kepada perjuangan mereka.⁸⁰⁶

Annuar Musa yang gagal dalam pilihan raya umum membuat ucapan yang kritikal dan lantang terhadap kepemimpinan Mahathir dan sikap sesetengah ahli dalam Majlis Tertinggi. Beliau mendakwa mereka enggan mendengar kritikan daripada akar-umbi tetapi hanya berminat untuk mengeluarkan arahan sahaja. Beliau berkata UMNO hanya akan menjadi suatu parti yang dinamik sekiranya Mahathir menukar gaya kepemimpinan dan mengagihkan kuasanya kepada pemimpin lain, kerana Mahathir sekarang bukan sahaja memikul tanggungjawab Presiden, tetapi juga Timbalan

⁸⁰⁵ *New Straits Times*, 11 Mei 2000, m/s 6.

⁸⁰⁶ *New Straits Times*, 11 Mei 2000, m/s 4.

Presiden, Naib Presiden, ahli Majlis Tertinggi, Presiden Pemuda dan Presiden Wanita dalam UMNO. Selain itu, Annuar juga mengkritik arahan Majlis Tertinggi yang melarang calon menemui perwakilan sepanjang kempen pemilihan parti.⁸⁰⁷

Secara keseluruhannya, bayangan Anwar tetap hidup dalam Perhimpunan Agung UMNO walaupun Anwar telah dipecat selama dua tahun. Ini juga dibayangkan dalam ucapan Mahathir di mana beliau masih menyentuh isu Anwar, sama seperti ucapannya dalam dua Perhimpunan Agung UMNO sebelumnya.

Rombakan Barisan Exco Wanita dan Pemuda UMNO

Selepas puak Rafidah memegang semula teraju Wanita UMNO, beliau mengambil langkah yang sama seperti Siti Zaharah tiga tahun yang lalu, iaitu menukar ketua wanita negeri. Rafidah menggugurkan sembilan Ketua Wanita negeri, termasuk Siti Zaharah. Beliau hanya mengekalkan tiga ketua wanitanya bagi Perlis, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Tindakan beliau yang ingin menamatkan pengaruh Siti Zaharah dengan segera kelihatan tidak begitu mudah kerana hampir separuh Exco Wanita UMNO yang terpilih adalah penyokong Siti Zaharah.⁸⁰⁸

Perlantikan Baru Majlis Tertinggi

Perlantikan kerusi tambahan Majlis Tertinggi dibuat hampir dua bulan selepas pemilihan UMNO. Dua Menteri Besar dan beberapa orang menteri kabinet yang tewas dalam pemilihan Majlis Tertinggi tercicir dari senarai 10 ahli Majlis Tertinggi

⁸⁰⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 13 Mei 2000, m/s 5.

⁸⁰⁸ *Utusan Malaysia*, 15 Mei 2000, m/s 1 & 4.

yang dilantik. Dua Menteri Besar itu adalah Abu Hassan Omar dan Mohd. Isa Abdul Samad sementara menteri kabinet pula ialah Syed Hamid Albar dan Rais Yatim.

Senarai yang dilantik turut menyaksikan empat muka baru, iaitu Menteri Pendidikan, Musa Mohamad; Ketua Penerangan Pemuda UMNO, Azimi Daim, serta dua wakil wanita iaitu Pengerusi baru Bank Rakyat dan ahli MTEN, Norraesah Mohamad dan seorang peguam, Azalina Othman. Dua lagi muka lama yang dilantik adalah bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Idris Jusoh dan Tengku Razaleigh.

Dari segi perlantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri 2000-2003 pula, Razaleigh digugurkan daripada jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, dan digantikan oleh penyokong Daim, Mustapa Mohamed dengan Annuar Musa sebagai timbalannya. Selain itu, Abdullah Badawi terus memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan Terengganu. Di Johor pula, Ghani Othman terus menjadi Pengerusi manakala Muhyiddin Yassin menjadi timbalannya. Jawatan di negeri-negeri lain dikekalkan.⁸⁰⁹

Adalah jelas bahawa sebab utama Razaleigh digugurkan daripada jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO merupakan tindakan Mahathir untuk ‘menghukum’ percubaannya untuk bertanding merebut jawatan tertinggi. Ia juga bertujuan menghalang beliau daripada membentuk semula rangkaian dengan ahli akar-umbi di Kelantan melalui jawatan tersebut, manakala jawatannya di Majlis Tertinggi adalah tidak penting kerana beliau tidak mampu memainkan peranan yang penting dan menyemak Mahathir.

⁸⁰⁹ *Utusan Malaysia*, 1 Julai 2000, m/s 1-3.

Perkembangan politik UMNO pada 1999 dan 2000 menunjukkan Mahathir telah melakukan satu kesalahan yang besar dengan memecat Anwar daripada parti dan kerajaan, sehingga parti itu terpaksa melawan dengan bayangan Anwar dalam Pilihan raya umum 1999 dan pemilihan parti 2000. Keputusan pilihan raya umum 1999 malah menunjukkan sebab utama UMNO kalah dalam banyak kawasan tradisinya adalah kerana faktor Anwar. Walaupun Anwar telahpun dijatuuhkan hukuman penjara yang cukup panjang untuk menghalang beliau kembali mencabar Mahathir lagi, tetapi faktor Anwar ini akan terus menghantui UMNO dan meretakkan UMNO pada tahun-tahun yang akan datang. Keretakan UMNO dan perebutan kuasa akan bertambah buruk lagi dengan kemelesetan ekonomi negara yang akan merumitkan masalah 'bail out' dan pengagihan naungan kepada kroni UMNO. Masalah yang dihadapi oleh UMNO ini sebaliknya menguatkan parti pembangkang dan ini akan mendorong Mahathir untuk mengambil tindakan yang lebih drastik untuk menekankan aktiviti-aktiviti parti pembangkang dan disidennya pada masa yang akan datang, seperti Operasi Lalang 1987.